


**PERIKSA SUHU:** Murid-murid prasekolah SK Bukit Kalam sebelum masuk kelas.



**BERJARAK:** Murid-murid Tadika St Anne duduk berkumpulan.

## Permulaan persekolahan tadika, prasekolah tampil norma baharu

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Pembukaan semula prasekolah di sini menampilkan norma baharu dalam pengurusan pembelajaran untuk membiasakan kalangan murid untuk menerima realiti baharu dalam kehidupan harian di luar rumah.

Jabatan Pendidikan WP Labuan yang mengadakan tinjauan bersama media ke beberapa prasekolah di sini menunjukkan kalangan murid tidak menghadapi masalah untuk mematuhi

norma-norma baharu yang ditetapkan.

“Tempat-tempat yang ditinjau termasuklah prasekolah SK Bebuloh, prasekolah SK Bukit Kalam, Tabika Bukit Kuda serta Tadika St Anne,” kata sumber berkenaan.

Tinjauan di prasekolah SK Bukit Kalam menunjukkan murid-murid berbaris diperiksa suhu badan sebelum masuk kelas.

Manakala murid-murid di Tadika St Anne diatur duduk berkumpulan berjarak dengan penanda yang disediakan.